

Dua doktor pakar HUMS dihantar ke Turkiye tahun ini

UB 18.05.2023 P.08

ISTANBUL (Turkiye):

Dua doktor pakar Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) akan dihantar ke HiSAR Hospital Intercontinental Istanbul Turkiye mulai tahun ini.

Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor berkata kedua-dua doktor pakar itu akan menjalani latihan bagi pakar kecemasan untuk meningkatkan lagi kemahiran yang sedia ada, berikutan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) oleh HUMS dengan pusat perubatan pelbagai kepakaran di Turki, Istanbul.

"Tujuan penempatan ini adalah untuk meningkatkan kemahiran klinikal, teknologi dan pengurusan pesakit pakar yang terlibat.

"Secara tidak langsung, mereka akan dapat mempelajari kaedah pengurusan pesakit yang bertaraf antarabangsa dan menimba ilmu daripada hospital kepakaran yang telah ditubuhkan lama supaya dapat menggunakan evidence based medicine untuk merawat pesakit," katanya.

Ketika dihubungi media, Kasim memaklumkan MoU



CENDERAMATA: Kasim (dua kiri) mengiringi Juhar dan Norlidah menerima cenderamata daripada Emir (kanan).

yang berkuat kuasa selama tiga tahun itu memfokus kepada tenaga pakar HUMS serta kajian dan inovasi bidang kesihatan.

Ia merupakan salah satu usaha UMS untuk meningkatkan lagi kepakaran profesional tenaga pakar perubatan HUMS bagi memastikan HUMS mampu memberikan perkhidmatan pada tahap kelas pertama dan bertaraf antarabangsa.

Isnin lepas, Kasim dan Pendaftar, Luqman Ridha Anwar mewakili HUMS

manakala HiSAR yang diwakili Pengurus Besar, Emir Kavak serta Ketua Pakar Perubatan dan Ahli Lembaga Eksekutif HiSAR Hospital, Prof. Madya Dr. Hilmi Aksov memeterai MoU terbabit.

Majlis disaksikan Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin yang juga Canselor UMS dan isteri, Toh Puan Norlidah R.M Jasni.

Turut dimeterai MoU di antara HUMS dengan Institute Yunus Emire Turkiye yang diwakili Presiden insti-

tut berkenaan, Prof. Dr Seref Ated yang bertujuan untuk memantapkan lagi komitmen untuk kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan dan inovasi.

Tambah beliau, MoU berkenaan juga berupaya menggalakkan mobiliti pelajar dan kakitangan bagi meluaskan perspektif akademik, profesional dan budaya di samping pelaksanaan program pertukaran pelajar serta kakitangan untuk membantu dalam latihan, bimbingan dan pembelajaran. — Penerangan